

20 FEB 1998

PPP-Sukan

SUKAN KOMANWEL ANTARA TUMPUAN MESYUARAT AGUNG PPP

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), parti komponen Barisan Nasional, akan memasukkan mengenai sukan dalam agenda mesyuarat agung tahunannya esok, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden PPP, Datuk M.Kayveas, hari ini berkata parti itu akan mempromosikan Sukan Komanwel ke-16 pada mesyuarat itu, yang akan dihadiri oleh maskot Wira dan diserikan dengan lagu temasya sukan itu.

Beliau berkata anggota majlis tertinggi parti itu akan memakai tali leher Sukan Komanwel, langkah yang luar biasa dilakukan oleh sesebuah parti politik pada mesyuaratnya.

"Kami juga meminta Perdana Menteri untuk memakai tali leher Sukan Komanwel," katanya kepada Bernama di sini.

Kayveas berkata parti itu akan membantu penganjur temasya sukan itu mempromosikan matlamat Sukan Komanwel sebagai "projek nasional".

Sukan Komanwel akan diadakan di Malaysia dari 11 hingga 21 Sept ini.

Kira-kira 3,000 perwakilan yang akan menghadiri mesyuarat itu dijangka memakai lencana sukan itu sebagai simbol menyokong Sukan Komanwel.

"Mereka akan membawa pulang mesej mengenai Sukan Komanwel ke tempat asal dan kampung-kampung dan diharap ini akan menyemarakkan lagi semangat mereka terhadap sukan ini," katanya.

Kayveas berkata mesyuarat itu dijangka meluluskan resolusi menyokong Perdana Menteri dan kerajaan dalam usaha mengatasi masalah kewangan dan ekonomi negara.

Sebuah buku kecil yang mengandungi maklumat mengenai keadaan ekonomi negara masa kini dan perkara lain yang berkaitan dengan rakyat Malaysia akan diedarkan pada mesyuarat itu, katanya. -- BERNAMA

AZZ NAK